A

MOHD FAUZI OMAR

lwn.

PP

B

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
TENGKU BAHARUDIN SHAH HMR
HELILIAH MOHD YUSOF HMR
KN SEGARA HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: P-05-104-2005]

C

2 SEPTEMBER 2009

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B(1)(a) - Mengedar kanabis - Rayuan terhadap sabitan dan hukuman - Jagaan dan kawalan - Pengetahuan - Pernyatuan pertuduhan*

D

- Pembelaan tertuduh - Akta Dadah Berbahaya 1952, s. 37(d)

PROSEDUR JENAYAH: *Pertuduhan - Pernyatuan pertuduhan - Dadah dijumpai di dua tempat yang berasingan - Sama ada pernyatuan pertuduhan salah dari segi undang-undang dan memprejudiskan tertuduh*

E

PROSEDUR JENAYAH: *Pembelaan - Penerangan oleh tertuduh - Sama ada membangkitkan keraguan yang munasabah*

Perayu telah disabitkan oleh Mahkamah Tinggi atas kesalahan mengedar dadah berbahaya iaitu 986.9 gram kanabis, suatu

F

kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB'), dan telah dihukum mati. Ini merupakan rayuannya terhadap keputusan itu, di mana isu-isu berikut dihujahkan: (i) jagaan dan kawalan tidak dibuktikan. Penemuan mengenainya dibuat semata-mata berasaskan dadah tersebut ditemui di bilik dan

G

dapur rumah di mana perayu berada seorang semasa serbuan; (ii) pengetahuan juga gagal dibukti. Penemuan mengenainya hanya berasaskan dadah tersebut tidak tersorok dan boleh dilihat oleh sesiapa sahaja; dan (iii) pernyatuan pertuduhan bagi dua kesalahan berasingan, disebabkan dadah dijumpai di dua tempat yang

H

berasingan iaitu di bilik kedua dan di dapur, telah memprejudiskan perayu. Perayu sepatutnya dihadapkan dengan dua pertuduhan yang berasingan.

I

Diputuskan (menolak rayuan, dan mengekalkan sabitan serta hukuman)

Oleh Tengku Baharudin Shah HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Berdasarkan fakta kes, tidak ada orang lain selain perayu yang mempunyai jagaan dan kawalan ke atas P5a dan P7c (bekas-bekas plastik yang mengandungi kanabis tersebut) semasa serbuan di rumahnya. Tiada keterangan yang orang lain mempunyai akses ke rumah tersebut selepas pemergian isteri perayu ('SP10') ke Kuala Lumpur. Kawan-kawan perayu, khususnya rakan lamanya Halim, jika datang hanya berbual di luar kawasan rumah. *PP v. Abdul Rahman Akif* (diikuti); *Choo Yoke Choy v. PP* (dibezakan); *PP v. Ahmad Puteh* (dibezakan). (perenggan 9, 10 & 11)

(2) Daripada fakta yang tidak dipertikai, hakim bicara tidak silap membuat kesimpulan bahawa adalah mustahil perayu tidak melihat dan mengetahui tentang P5a dan P7c. Tidak disangkal yang SP10 tidak tahu tentang dadah tersebut. Keadaan semuanya menunjukkan perayu berada dalam kedudukan di mana dia seorang sahaja yang tahu dan boleh jika perlu melakukan sesuatu dengan P5a and P7c. Tiada keterangan sebaliknya yang boleh membangkitkan inferens yang lain. Hakim bicara ternyata telah menilai keterangan yang dikemukakan dan telah membuat penemuan fakta yang tepat bahawa P5a dan P7c semasa serbuan berada dalam milikan perayu tanpa menggunapakai anggapan di bawah s. 37(d) ADB. (perenggan 14)

(3) Hujahan perayu bahawa pernyatuan pertuduhan adalah salah dari segi undang-undang dan telah memprejudiskan beliau tidak berasas dan harus ditolak. Atas autoriti *See Yew Poo v. PP*, pernyatuan pertuduhan bagi dua atau lebih kesalahan hanya merupakan salah aturan yang tidak semestinya membatalkan perbicaraan. *See Yew Poo v. PP* (diikuti); *PP v. Norzilan Yaacob* (dirujuk); *PP v. Md Alim Samad* (dibezakan). (perenggan 16)

(4) Atas sebab-sebab yang dinyatakan, tiada alasan bagi mahkamah ini mengganggu penemuan fakta yang dicapai oleh mahkamah bicara. Pembelaan perayu yang menyarankan kemungkinan Halim yang dikatakan datang ke rumahnya meninggalkan dadah tersebut di rumahnya juga telah diberi pertimbangan yang teliti oleh mahkamah bicara dan didapati tidak membangkitkan keraguan yang munasabah. (perenggan 17)

A ***English*** *Translation Of Headnotes*

The appellant was convicted by the High Court of trafficking in dangerous drugs *viz*. 986.9 grams of cannabis, an offence under s. 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA'), and was
B sentenced to death. This was his appeal against that decision, in which the following issues were submitted: (i) custody and control were not proved. The finding on that was made based solely on the drug being found in the room and kitchen of the house in which the appellant was alone at the time of the raid; (ii)
C knowledge was also not proved. The finding there was only based on the drug not being hidden and in full view of anyone and everyone; and (iii) consolidation of the charges for two different offences, as the drug was found in two different places *ie*, the second room and the kitchen, had prejudiced the appellant. The
D appellant should have been faced with two separate charges.

Held (dismissing the appeal, and maintaining the conviction and sentence)
Per Tengku Baharudin Shah JCA delivering the judgment of the court:
E

(1) On the facts of the case, there was no one other than the appellant who had custody and control over P5a and P7c (the plastic vessels that contained the cannabis in question) during the raid at his house. There was no evidence that other
F people had access to the house after the appellant's wife ('SP10') had left to Kuala Lumpur. The appellant's friends, especially his old friend Halim, if they visited just chatted outside the house. *PP v. Abdul Rahman Akif* (foll); *Choo Yoke Choy v. PP* (dist); *PP v. Ahmad Puteh* (dist).

G

(2) From the undisputed facts, the trial judge did not err in deciding that it was impossible for the appellant to have not seen and not known about P5a and P7c. It was not refuted that SP10 did not know about the drug. All the circumstances
H showed that the appellant was in a position where he alone knew and could, if necessary, do something with P5a and P7c. There was no evidence otherwise that could raise another inference. The trial judge clearly assessed the evidence adduced and made an accurate finding of fact that P5a and
I P7c, at the time of the raid, was in the appellant's possession, without applying the presumption under s. 37(d) of the DDA.

(3) The appellant's contention that the consolidation of the charges was wrong in law and had prejudiced him was unfounded and ought to be dismissed. On the authority of *See Yew Poo v. PP*, consolidation of charges for two or more offences only amounted to an irregularity that did not necessarily cause the trial to be set aside. See *Yew Poo v. PP* (foll); *PP v. Norzilan Yaacob* (refd); *PP v. Md Alim Samad* (dist).

(4) For the reasons stated, there was no reason for this court to interfere with the finding of facts made by the trial judge. The appellant's defence which raised the possibility that Halim, who allegedly came to the house, had left the drug in the house was also given careful consideration by the trial judge and found to have not raised any reasonable doubt.

Kes-kes yang dirujuk:
Choo Yoke Choy v. PP [1992] 4 CLJ 1791; [1992] 1 CLJ (Rep) 43 SC ***(dibezakan)***
PP v. Abdul Rahman Akif [2007] 4 CLJ 337 FC ***(diikuti)***
PP v. Ahmad Puteh & Ors [1987] 1 CLJ 488; [1987] CLJ (Rep) 853 HC ***(dibezakan)***
PP v. Md Alim Samad [1998] 5 CLJ 590 HC
PP v. Norzilan Yaacob [1989] 1 CLJ 446; [1989] 2 CLJ (Rep) 345 ***(dirujuk)***
See Yew Poo v. PP [1948] 1 LNS 62 ***(diikuti)***
*Surentheran Selvaraja v. PP [2005] 2 CLJ 264****(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, s. 163
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 2, 37(d), (da), 39B(1)(a)
Evidence Act 1950, s. 27

Bagi pihak perayu - Dev Kumarendran; T/n Kumar & Co
Bagi pihak PP - Nurulhuda Nurulain TPR

Dilaporkan oleh Suresh Nathan

PENGHAKIMAN

Tengku Baharudin Shah HMR:

[1] Perayu telah disabitkan oleh Mahkamah Tinggi di Pulau Pinang atas kesalahan mengedar dadah berbahaya iaitu 986.9 grams cannabis, kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB) dan telah dihukum mati. Rayuannya ke

A Mahkamah ini telah ditolak dan sabitan serta hukuman yang dijatuhkan telah dikekalkan. Inilah alasan-alasan bagi penolakan rayuannya itu.

Kes Pendakwaan

B **[2]** Fakta kes telah disimpul oleh hakim bicara yang bijaksana dari keterangan saksi-saksi pendakwa di ms 158-163 rekod rayuan (RR). Diringkaskan lagi faktanya adalah seperti berikut. Ketua Inspektor Abdul Jalal (SP5) telah membuat satu serbuan bersama sepuluh orang anggotanya di sebuah rumah teres setingkat di C Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang pada 2 September 2000 lebih kurang pukul 1.20 pagi. Dia melihat keadaan di dalam rumah itu terang dan setelah diketuk pintu hadapan ia dibuka oleh Perayu yang ketika itu hanya seorang diri berada di rumah. SP5 memperkenalkan dirinya dan dengan izin D serta dalam kehadiran Perayu telah membuat pemeriksaan. Tiada barang salah dijumpai di ruang tamu dan bilik pertama. Di bilik kedua yang bersebelahan dapur telah ditemui satu bekas plastik berwarna merah jambu yang mengandungi satu bungkusan plastik lutsinar yang terdapat di dalamnya bahan yang disyakki ganja E dalam bentuk 4 segi mampat dengan beberapa bahagiannya tercerai (ditanda P5a). Di ruang dapur pula ditemui satu beg plastik warna hijau yang mengandungi satu bungkusan plastik lutsinar berisi satu blok mampat bahan yang disyakki ganja dengan beberapa bahagiannya agak tercerai (ditanda P7c) di bawah meja makan. F

[3] Perayu telah ditangkap dan barang-barang kes dirampas. Ahli Kimia (SP4) yang ditugas membuat analysis barang-barang kes telah memperakui bahawa P5a dan P7c adalah cannabis seperti yang ditakrif dalam s. 2 ADB yang beratnya 49.60 grams dan G 937.30 grams masing-masing berjumlah kesemuanya 986.9 grams seperti dalam pertuduhan. Mengikut isteri Perayu (SP10) rumah itu disewa olehnya dan perayu sejak sebulan sebelumnya dan hanya mereka dan anak mereka yang berumur enam tahun tinggal di situ. Perayu bekerja sebagai pembuat sangkar burung dan kawan- H kawannya (termasuk yang bernama Halim) yang datang melawatnya hanya berbual di luar rumah dan tidak masuk ke dalam rumah. SP10 telah keluar daripada rumah itu bersama anaknya pada 1 September 2000 pukul 8 malam untuk pergi ke Kuala Lumpur dan hanya balik pada 4 September 2000. Dia tidak I pernah melihat barang-barang yang dirampas oleh SP5 di mana-

mana dalam rumahnya sebelum dia pergi. Dan bilik kedua digunakan sebagai setor simpan barang dan juga oleh Perayu untuk membuat sangkar burung.

[4] Kes pendakwa adalah berasaskan pemilikan dadah berbahaya yang melebihi jumlah yang boleh mencetuskan anggapan mengedar di bawah s. 37(da) ADB dan itulah penemuan hakim bicara apabila memanggil pembelaan perayu.

Kes Pembelaan

[5] Pembelaan perayu ialah dadah itu bukan milik atau kepunyaannya. Kemungkinan ia ditinggalkan oleh rakan lamanya Halim yang datang ke rumahnya pada petang 31 Ogos 2000 dan 1 September 2000 semasa ketiadaan SP10 dan mandi di rumahnya serta tidur di bilik kedua. Halim dikatakan selalu datang ke rumahnya dengan membawa beg sandang hitam serta makanan untuk anak-anaknya. Pada 1 September 2000 Halim berada di rumahnya dari pukul 3 hingga pukul 6.30 petang. Waktu itu SP10 bekerja. Perayu telah keluar makan selepas SP10 berlepas ke Kuala Lumpur dan hanya balik pada pukul 11.15 malam dan terus tidur apabila kemudian dikejut oleh kedatangan polis. Dia tidak pernah melihat dadah tersebut di rumahnya sebelum itu.

Rayuan

[6] Walaupun beberapa alasan rayuan dikemukakan dalam petisyen rayuan tetapi di mahkamah ini hanya tiga isu berikut dihujahkan bagi pihak perayu iaitu:

(i) Jagaan dan kawalan tidak dibuktikan. Penemuan mengenainya dibuat semata-mata berasaskan dadah tersebut ditemui di bilik dan dapur rumah di mana perayu seorang berada semasa serbuan.

(ii) Pengetahuan juga gagal dibukti. Penemuan mengenainya hanya berasaskan dadah tersebut tidak tersorok dan boleh dilihat oleh sesiapa sahaja.

(iii) Pernyatuan pertuduhan bagi dua kesalahan berasingan memprejudiskan perayu.

A **Jagaan Dan Kawalan**

[7] Peguambela bijaksana berhujah bahawa pihak pendakwa gagal membuktikan jagaan dan kawalan kerana tempat-tempat di mana dadah ditemui tidak digunakan secara eksklusif oleh perayu. Bilik
B kedua tidak dihuni oleh perayu secara eksklusif dan dia juga tidak ditangkap di situ. Tiada dokumen peribadinya ditemui di situ. Dapur pula ada pintu belakang, SP10 ada menggunakannya dan dadah tersebut ditemui di bawah meja bersama barang-barang lain. Kes-kes *Choo Yoke Choy v. PP* [1992] 4 CLJ 1791; [1992] 1 CLJ
C (Rep) 143 dan *PP v. Ahmad Puteh & Ors* [1987] 1 CLJ 488; [1987] CLJ (Rep) 853 dijadikan sandaran.

[8] Dalam penghakimannya hakim bicara setelah menilai keterangan-keterangan yang dikemukakan membuat kesimpulan
D seperti berikut:

> ... SP10 memberi keterangan dan mengesahkan bilik di mana dadah P5a dijumpai hanya digunakan oleh OKT sebagai tempat OKT jalankan kerjanya sebagai pembuat sangkar burung. Dari gambar P4E jelas dapat dilihat sangkar burung yang separuh siap
E berada dalam bilik berkenaan, berdekatan dengan barang kes P6a yang mengandungi P5b. Keterangan isteri OKT juga menunjukkan isteri OKT tidak ada kena mengena dengan dadah yang dirampas. Berdasarkan keterangan-keterangan di atas saya dapati keterangan yang ada mencukupi pada peringkat ini untuk Mahkamah membuat kesimpulan fakta bahawa pada masa serbuan OKT
F mempunyai kawalan dan jagaan atas barang-barang dalam rumah tersebut termasuk dadah P5a dan P7c.
>
> (lihat RR muka surat 166)

[9] Kesimpulan fakta yang dibuat itu ternyata bukan sahaja
G berdasarkan kehadiran perayu di rumah semasa diserbu. Bilik kedua ialah bilik tempat kerja perayu membuat sangkar burung dan P5a (cannabis dalam plastik lutsinar) terletak dalam bekas terbuka di atas lantai berhampiran sangkar separuh siap dalam bilik itu. SP10 tiada di rumah semasa serbuan kerana telah bertolak ke Kuala
H Lumpur beberapa jam sebelum itu. Perayu hanya bersendirian di rumah sedangkan P7c dalam beg plastik hijau terletak di bawah meja makan di dapur dan sesiapa yang berada di rumah boleh nampak kerana ia terdedah (lihat meja di dalam gambar-gambar P4C dan P4D dalam RR ms 208-209). SP10 tidak pernah melihat
I P5a atau P7c di rumahnya sebelum dia pergi dan tiada orang lain tinggal di rumah itu selain mereka berdua (anak masih kecil). Dalam

keadaan sedemikian tidak silap bagi hakim bicara mendapati perayu "mempunyai kawalan dan jagaan atas barang-barang dalam rumah tersebut termasuk P5a dan P7c." Sama ada SP10 juga menggunakan dapur tidak menafikan hakikat bahawa barang-barang di dalam rumah itu berada dalam jagaan dan kawalan eksklusif perayu pada malam itu. Di tahap kes pendakwaan tiada keterangan yang orang lain mempunyai akses ke rumah tersebut selepas pemergian SP10. Ketiadaan dokumen peribadi perayu dibilik kedua tidak melemahkan kes yang ada – iaitu bilik kedua berada di bawah kawalan perayu. Itulah tempat kerjanya dan tiada orang lain di rumah ketika serbuan.

[10] Kes *Choo Yoke Chong (supra)* jauh berbeza dari segi fakta. Di situ walaupun dadah ditemui di dalam bilik perayu dan di dapur, bilik itu didiami bersama oleh perayu dan isterinya yang dituduh bersama sementara lapan orang lain juga tinggal di rumah itu dan penemuan dadah di dapur adalah berdasarkan maklumat di bawah s. 27 Akta Keterangan. Penarikan balik pertuduhan terhadap isteri perayu dalam kes itu diputuskan telah menyebabkan tidak lagi ada bukti niat bersama dengan itu jagaan dan kawalan gagal dibuktikan terhadap perayu dan jawapan perayu yang menyebabkan dadah ditemui di dapur hanya menimbulkan kemungkinan yang dia tahu dadah ada di situ dan tidak lebih dari itu. Kes *PP v. Ahmad bin Putih (supra)* juga berbeza kerana beg yang mengandungi dadah dalam kes itu ditemui di bahagian rumah yang juga digunakan oleh penghuni-penghuni lain yang dituduh bersama tetapi mereka kemudian dibebaskan atau ditarik balik pertuduhannya.

[11] Dalam kes *PP v. Abdul Rahman Akif* [2007] 4 CLJ 337, responden bersendirian di dalam kereta semasa ditahan dan dadah ditemui tersorok di bawah tempat duduk pemandu dan tempat duduk sebelah pemandu dan kereta itu telah berada dalam milikan responden lebih tujuh bulan sebelumnya. Mahkamah Persekutuan telah memutuskan terdapat inferens yang tidak dibendung bahawa responden sememangnya tahu mengenai dadah itu dan terdapat bukti pemilikan dadah tanpa anggapan di bawah s. 37(d) ADB. Pertimbangan yang sama terpakai kepada kes kita walaupun dadah ditemui di rumah kerana tidak ada orang lain selain perayu yang mempunyai jagaan dan kawalan ke atas P5a dan P7c semasa serbuan di rumahnya. Kawan-kawan perayu, khususnya Halim, jika datang hanya berbual di luar kawasan rumah.

A **Pengetahuan**

[12] Perayu mempertikaikan penemuan fakta mengenai pengetahuan yang dikatakan hanya berasaskan dadah ditemui di tempat yang tidak tersembunyi dan boleh dilihat oleh sesiapa sahaja, dan bilik
B kedua digunakan oleh perayu setiap hari. Dihujahkan tiada keterangan yang bilik kedua digunakan perayu setiap hari dan di mana lebih daripada satu inferens boleh dibuat mahkamah mesti mengambil inferens yang paling memihak kepada perayu.

C **[13]** Memang benar SP10 tiada menyatakan yang perayu menggunakan bilik kedua setiap hari. Keterangan SP10 apabila dirujuk kepada gambar bilik kedua (P4E) ialah seperti berikut:

> Bilik ini digunakan sebagai setor simpan barang. Bilik ini juga diguna oleh OKT untuk buat sangkar burung.

D Keterangan ini tidak dipertikai oleh perayu dan SP10 tidak disoal balas mengenainya. Dan gambar P4(E) juga menunjukkan sangkar-sangkar burung yang belum siap di atas lantai dalam bilik itu. Kesilapan hakim di situ tidak menjejas maksudnya bahawa bilik itu
E lazim digunakan oleh perayu memandangkan gambar P4(E) juga dirujuk di ayat sebelumnya mengenai sangkar burung separuh siap dan tiada dicadang kepada SP10 yang perayu ada mempunyai pekerjaan yang lain selain dari membuat sangkar burung.

F **[14]** Daripada fakta yang tidak dipertikai hakim bicara tidak silap membuat kesimpulan bahawa adalah mustahil perayu tidak melihat dan mengetahui tentang P5a dan P7c. Tidak disangkal yang SP10 tidak tahu tentang dadah tersebut. Keadaan semuanya menunjukkan perayu berada dalam kedudukan di mana dia seorang sahaja yang tahu dan boleh jika perlu melakukan sesuatu dengan
G P5a dan P7c. Tiada keterangan sebaliknya yang boleh membangkitkan inferens yang lain. Keterangan yang ada menyokong penemuan fakta yang dicapai. Adalah tidak wajar bagi mahkamah bicara di akhir kes pendakwa menawarkan pembelaan kepada perayu dan membuat andaian tentang kemungkinannya. Melainkan terdapat unsur-unsur
H dalam keterangan kes pendakwa yang boleh membangkitkan kemungkinan itu ia tidak harus dilayan. (lihat *Surentheran Selvaraja v. PP* [2005] 2 CLJ 264). Di tahap kes pendakwaan perayu tidak pernah menyarankan yang dadah itu ditinggalkan di situ tanpa pengetahuannya oleh itu ia tidak menjadi isu. Hakim bicara
I ternyata telah menilai keterangan yang dikemukakan dan telah

membuat penemuan fakta yang tepat bahawa P5a dan P7c semasa serbuan berada dalam milikan perayu tanpa menggunapakai anggapan di bawah s. 37(d) ADB.

Pernyatuan Pertuduhan

[15] Oleh kerana dadah dijumpai di dua tempat yang berasingan iaitu di bilik kedua dan di dapur, telah dihujahkan bagi pihak perayu bahawa merangkumkan keduanya dalam satu pertuduhan adalah salah dari segi undang-undang dan telah memprejudiskan perayu. *PP v. Norzilan Yaacob & Anor* [1989] 1 CLJ 446; [1989] 2 CLJ (Rep) 345 dan *PP v. Md Alim Samad* [1998] 5 CLJ 590 dirujuk sebagai autoriti. Perayu sepatutnya dihadapkan dengan dua pertuduhan yang berasingan.

[16] Dalam kes *Norzilan (supra)* dadah ditemui di beberapa tempat berasingan di sebuah rumah tiga bilik – tiga tempat di bilik tengah, dua tempat di dapur dan tiga tempat di belakang rumah. Tiga daripada enam orang penghuni tinggal di rumah itu berada di rumah semasa serbuan polis tetapi hanya tertuduh dua beradik dituduh bersama-sama mengedar dadah yang dirampas itu, sementara seorang lagi menjadi saksi pendakwa. Dalam keadaan sedemikian hakim bicara hanya menyatakan pendapatnya bahawa pertuduhan sepatutnya dipecahkan mengikut kuantiti dan di mana ia ditemui dan orang yang berkaitan dengannya masing-masing sahaja dituduh. Namun demikian hakim itu juga mengakui atas autoriti *See Yew Poo v. PP* [1948] 1 LNS 62 bahawa pernyatuan pertuduhan bagi dua atau lebih kesalahan hanya merupakan salah aturan yang tidak semestinya membatalkan perbicaraan. Kedua-dua tertuduh di situ dibebaskan atas sebab kegagalan pihak pendakwa membuktikan jagaan dan pemilikan dadah-dadah itu oleh tertuduh. Kes *Md Alim bin Samad (supra)* langsung tiada berkaitan dengan pernyatuan pertuduhan. Di situ dadah ditemui di dapur dan di bilik ketiga di rumah tertuduh dan atas permohonan Timbalan Pendakwa Raya dua pertuduhan berasingan yang di hadapinya itu dibenarkan dibicara bersama di bawah s. 163 Kanun Acara Jenayah. Hujah perayu dengan itu di dapati tidak berasas dan ditolak.

Kesimpulan

[17] Atas sebab-sebab yang dinyatakan, tiada alasan bagi mahkamah ini mengganggu penemuan fakta yang dicapai oleh mahkamah bicara. Pembelaan perayu telah juga diberi pertimbangan

yang teliti oleh mahkamah bicara dan di dapati tidak membangkitkan keraguan yang menasabah. Perayu tidakpun menafikan yang dadah tersebut berada dalam miliknya – yang dinafikan ialah dadah itu kepunyaannya. Pembelaan perayu menyarankan kemungkinan Halim yang dikatakan datang ke rumahnya pada 31 Ogos 2000 dan 1 September 2000 meninggalkan dadah tersebut di rumahnya. Hakim bicara menolak pembelaan itu sebagai cerita rekaan yang tidak mungkin benar kerana antaranya beg galas hitam yang ditinggalkan tidak dijumpai di mana-mana. Kedatangan Halim pun memang meragukan kerana SP10 tidak dicabar apabila dia mengatakan Halim tidak ada datang ke rumahnya pada 31 Ogos 2000 dan tidak juga dinafikan dengan mencadang kemungkinan Halim datang semasa ketiadaannya. Hanya dalam pembelaannya perayu menyatakan yang SP10 tiada di rumah pada hari itu. Juga tidak dicadangkan yang Halim telah datang lagi pada esoknya 1 September 2000 sebelum SP10 balik untuk mengambil barang-barangnya untuk pergi ke Kuala Lumpur. Tiada sebab bagi Halim kawan rapat perayu sejak 17 tahun untuk memerangkap perayu sedemikian. Penolakan pembelaan perayu adalah keputusan yang betul.

[18] Dengan itu rayuan ditolak dan sabitan serta hukuman dikekalkan.